

KURIKULUM KURSUS PENGGUNAAN SOAL SELIDIK EKONOMI BAGI KUMPULAN SOKONGAN 1 GRED 17 - 26

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan pendedahan berkenaan soal selidik ekonomi. Di antara tajuk-tajuk yang akan dipelajari adalah skop Statistik Perindustrian & Pembinaan dan Statistik Perkhidmatan, pengelasan industri dan soal selidik ekonomi yang digunakan untuk sektor ini.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Memahami skop dan liputan statistik Statistik Perindustrian & Pembinaan dan Statistik Perkhidmatan.
- ii. Mempelajari dan memahami penyediaan soal selidik ekonomi.
- iii. Mempelajari dan memahami penyusunan akaun sektor Statistik Perindustrian & Pembinaan dan Statistik Perkhidmatan.
- iv. Memperkasa pegawai dengan kemahiran sebagai pengumpul, pengguna dan penganalisis maklumat statistik ekonomi.

3. TEMPOH/MASA

- i. Tempoh : 3 hari
- ii. Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 17-26.

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)

- i. Kuliah dan latih amal
- ii. Penilaian yang dijalankan dalam bentuk ujian bertulis dan soalan lisan